



BARISAN NASIONAL MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

- Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) telah mengadakan mesyuaratnya pada petang ini. Kini Barisan Nasional terdiri dari gabungan empat parti politik tanah air terdiri daripada UMNO, MCA, MIC dan PBRs.
- BN adalah kelompok terbesar dengan 43 kerusi Parlimen yang telah memberi sokongan kepada Ahli Parlimen Pagoh, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin untuk dilantik sebagai Perdana Menteri ke-8 yang seterusnya membentuk Kabinet Kerajaan Malaysia yang baru yang kini dikenali sebagai Kerajaan Perikatan Nasional (PN).
- Mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada hari ini sebulat suara membuat ketetapan berikut:-
 - BN terus memberi sokongan dan kepercayaan tidak berbelah bahagi terhadap kepimpinan Ahli Parlimen Pagoh, YAB Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri Ke-8.
 - BN terus menyokong dan mendokong Kerajaan Perikatan Nasional pimpinan Perdana Menteri.

- Berhubung pendaftaran PN secara formal sebagai sebuah parti seperti yang dicadangkan, BN berpandangan BN perlu melalui proses tertentu dalam parti komponen masing-masing.
- Sekiranya terdapat usul tidak percaya di Parlimen, ketetapan dibuat supaya semua Ahli Parlimen BN akan mengundi secara en-bloc, menyokong Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri.

DATO' SERI DR AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
PENGERUSI BARISAN NASIONAL
12 MEI, 2020